

## Malaysia berhati-hati sebelum isytihar fasa endemik - KJ

Rohaniza Idris - Februari 11, 2022  
[roha@bh.com.my](mailto:roha@bh.com.my)



Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada sidang media selepas merasmikan Program Berskala Besar Pembedahan Urologi (MUSI) di Hospital Selayang, hari ini.

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengambil langkah berhati-hati dan cermat sebelum mengisytiharkan negara beralih ke fasa endemik seperti dilaksanakan beberapa negara, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Katanya, Malaysia memantau perkembangan negara seperti Sweden dan Denmark yang sudah mengisytiharkan peralihan fasa dan COVID-19 bukan lagi ancaman kesihatan.

"Secara peribadi, saya berpendapat tindakan Denmark itu terlalu awal sedang ketika ini kes Omicron masih menular. Saya dan Tan Sri Ketua Pengarah (Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) konservatif dalam hal ini, ada kata kami sangat konservatif, (namun) bagi kami, lebih baik bertindak berhati-hati berbanding menyesal di kemudian hari.

"Kita kena tengok gelombang Omicron di hospital kita yang mana ketika ini 99 peratus ada gejala ringan, tapi kita teruskan pendekatan tak perlu ikut Sweden atau Denmark," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Berskala Besar Pembedahan Urologi (MUSI) di Hospital Selayang, dekat sini hari ini.

Khairy turut menjelaskan, peningkatan jangkitan harian yang melebihi 20,000 kes hari ini berbeza dengan kes yang dicatatkan pada Ogos tahun lalu dan KKM tidak panik dengan angka itu kerana melihat kepada tahap keseriusan jangkitan.

"Kali terakhir kes jangkitan melebihi 20,000 adalah pada 11 Ogos 2021 yang mana 1,547 pesakit berada di unit rawatan rapi (ICU) dengan 332 kematian berbanding hari ini hanya 158 di ICU dan 10 kematian. Kita percaya liputan vaksinasi dan kesan gejala tidak teruk serta kadar kematian tidak tinggi, malah tempoh rawatan lebih singkat," katanya.

Beliau berkata, KKM menjangka ada peningkatan kemasukan ke hospital, sekali gus terus memantau serta memberikan butiran perkembangan kes setiap hari.

"Jangan tengok bilangan kes, kena tengok keseriusan sehingga kita minta laksanakan sekatan pergerakan (sebelum ini). Kes sekarang 99 peratus bergejala ringan dan kategori satu, hanya 0.5 peratus kategori empat dan lima dan mereka sudah mendapatkan rawatan. Ini dapat diatasi dengan baik," katanya.

Mengulas mengenai tindakan agresif Kementerian Kesihatan (KKM) menggalakkan orang ramai mengambil vaksin dos penggalak yang dilihat seperti memaksa, katanya KKM tidak memaksa sebaliknya merayu orang ramai mengambil vaksin.

"Memandangkan adanya varian baharu seperti Omicron maka kita kena sediakan 'perisai' tambahan," katanya.

Ditanya kebimbangan mengenai dos penggalak, katanya KKM mengakui memang ada kesan sampingan tetapi terlalu rendah peratusannya.

"Kita keluarkan maklumat ini dan tidak berselindung mengenainya," katanya.

Mengenai kebimbangan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di sekolah boleh menyebabkan jangkitan COVID-19, beliau berkata prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat akan dilaksanakan dan ibu bapa tidak perlu bimbang perkara itu.

Sementara itu, katanya sebanyak 37,963 kes pembedahan am yang tertunggak daripada 57,355 KES berjaya diselesaikan mulai Oktober tahun lalu.

"KKM akan berusaha sepenuh upaya bagi memastikan kes tertunggak ini dapat dikurangkan," katanya.